



## KENYATAAN MEDIA

12 April 2016

### **UniMAP PERKASAKAN ENTITI KAWALAN DALAMAN PERANGI RASUAH**

Pauh Putra, 12 April – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus komited dalam memantapkan integriti dan pencegahan rasuah menerusi *Seminar Integriti dan Pencegahan Rasuah Dalam Pengurusan Kewangan Sektor Awam/Badan Berkanun* yang berlangsung di sini, hari ini.

Seminar anjuran Jabatan Bendahari UniMAP itu berlangsung di Dewan Kecemerlangan UniMAP membabitkan hampir 300 kakitangan universiti pelbagai peringkat jawatan.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata sepertimana hasrat kerajaan, UniMAP turut mengambil serius usaha meningkatkan integriti dan menangani gejala rasuah di kalangan kakitangannya.

“Justeru, UniMAP akan mengambil kira pendekatan strategik dalam aspek memperkasakan entiti kawalan dalaman agensi awam.

“Bagi memastikan perjalanan organisasi di universiti ini lancar, prosedur dan tatacara pengurusan terutama pengurusan kewangannya perlu telus serta teratur berdasarkan garis panduan kewangan yang diterimapakai,” katanya ketika menyampaikan ucapan aluan di seminar berkenaan.

Seminar itu dirasmikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perlis, Penolong Pesuruhjaya Yaacop Angah.

Sementara itu, ceramah mengenai kesedaran pencegahan rasuah disampaikan oleh Penceramah SPRM Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) Ibu Pejabat SPRM, Tuan Jamil Dahalan.

Selain itu, satu forum turut diadakan dengan ahli panelnya Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia UniMAP, Datin Paduka Datuk Dr Ramlah Adam, Bendahari UniMAP Saodah Hassan dan Tuan Jamil sendiri dengan moderatornya YM Raja Shah Erman Raja Ariffin.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Aininulniza Mohd Yusof ([aininulniza@unimap.edu.my](mailto:aininulniza@unimap.edu.my))**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP